

**HUBUNGAN DI ANTARA GAYA KEPIMPINAN IBU BAPA  
DENGAN PELANGGARAN DISIPLIN PELAJAR-PELAJAR  
TINGKATAN EMPAT DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK  
SLIM RIVER, PERAK**

**NOR MAZANA BINTI ISMAIL**

Kajian Kes Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Syarat Penganugerahan Ijazah  
Sarjana Pendidikan (Teknikal)

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2001

## **DEDIKASI**

***AYAHANDAKU, ISMAIL BIN SAMAT***

Doa dan harapanmu mencorakkan hidupku.

***BONDOKU YANG DIKASIHI, MEK NAH BINTI YUSOF***

Segala pengorbananmu selama ini hanya  
Allah S.W.T. dapat membalasnya.

***SUAMIKU TERCINTA, CHE ANUAR BIN CHE ABDULLAH***

Bantuan dan doronganmu amat dihargai.

***KELUARGA DAN SAHABAT***

Moga hidup kita diredhai dan diberkati oleh Allah S.W.T.



## PENGHARGAAN

*Bismillahirrahmanirrahim*

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kepujian dan kesyukuran bagi Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kajian kes ini dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan walaupun tugas dan tanggungjawab sering membebani diri.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah banyak membantu dalam usaha menyediakan kertas ilmiah ini, khususnya Encik Ahmad bin Esa selaku penyelia kajian kes ini kerana beliau sudi meluangkan masa, memberi pandangan dan tunjuk ajar bagi memastikan penulisan kajian kes sempurna seperti yang dirancangkan. Tidak lupa diucapkan terima kasih kepada Encik Mohd Yusof bin Hadi selaku penilai laporan, pihak Sekolah Menengah Teknik Slim River, Perak dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu menjayakan kajian kes ini.

Ribuan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada suami tercinta di atas doa, dorongan dan pengorbanan yang dilakukan selama ini. Tidak lupa juga diucapkan terima kasih buat ayahanda dan bonda yang saya kasihi, pengorbananmu selama ini amat dihargai. Hanya Allah s.w.t. sahaja yang dapat membalas segala jasa-jasa kalian. Bagi penulis, pengorbanan dan penat lelah di Universiti akan diabadikan dalam kenangan hingga ke akhir hayat.

Sekian terima kasih.

## ABSTRAK

Objektif bagi kajian ini ialah untuk melihat hubungan di antara gaya kepimpinan ibu bapa dengan pelanggaran disiplin pelajar-pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Teknik Slim River, Perak dan melihat perbezaan jantina dengan gaya kepimpinan ibu bapa terhadap pelanggaran disiplin. Terdapat empat gaya kepimpinan ibu bapa iaitu gaya kepimpinan demokratik, gaya kepimpinan autoritarian, gaya kepimpinan *permissive-indulgent* dan gaya kepimpinan *permissive-neglectful*. Seramai 60 responden terlibat sebagai sampel dalam kajian ini yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan *sample factorial anova*. Daripada analisis data yang diperolehi, menunjukkan bahawa terdapat hubungan di antara gaya kepimpinan ibu bapa dengan pelanggaran disiplin pelajar.



## ABSTRACT

The objective of this research is to identify the relation of disciplined breaches among form four students at Sekolah Menengah Teknik Slim River, Perak towards parents ability to educate their children. A part from that, it also want to know whether there is a differentiate between male and female student with their parents ability to educate their children. There are four parents leadership namely as, democratic, authoritarian, permissive-indulgent and permissive-neglectful. 60 responden were chosen as the sample of this study, they were form four students. The instrument used in this study was a questionnaire. Then, collected data was analysed by using statistic descriptive and sample factorial anova. Finding showed that there was a relation between the parent ability to educate with the disciplined breaches among students.



## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI LAMPIRAN	xii

### BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar belakang Masalah	2
1.2	Pernyataan Masalah	4
1.3	Soalan Kajian	7
1.4	Tujuan Penyelidikan	7
1.5	Kerangka Teori	8
1.6	Hipotesis	10
1.7	Kepentingan Kajian	10
1.8	Skop Kajian	11

1.9	Definisi Istilah Dan Operasional	12
1.9.1	Gaya	12
1.9.2	Kepimpinan	12
1.9.3	Gaya Kepimpinan	13
1.9.4	Disiplin	16
1.9.5	Sekolah	18
1.9.6	Pelajar Tingkatan Empat	18
1.9.7	Pelanggaran Disiplin	19

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.0	Pendahuluan	20
2.1	Gaya Kepimpinan Ibu Bapa Yang Mempengaruhi Salah Laku Anak	21
2.2	Pelanggaran Disiplin Sekolah	23

## **BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN**

3.0	Pengenalan	29
3.1	Reka Bentuk Kajian	29
3.2	Sampel Kajian	31
3.3	Instrumentasi	31
3.4	Kajian Rintis	33
3.5	Pengumpulan Data	33
3.6	Analisis Data	34
3.7	Batasan Kajian	34
3.8	Andaian	35

## BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	36
4.2	Gaya Kepimpinan Ibu Bapa Yang Mempengaruhi Pelanggaran Disiplin Pelajar-Pelajar Di Sekolah	37
4.3	Perbezaan Di Antara Pelanggaran Disiplin Pelajar Lelaki Dengan Pelajar Perempuan Terhadap Gaya Kepimpinan Ibu Bapa	42

## BAB 5 KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.0	Pendahuluan	46
5.1	Gaya Kepimpinan Ibu Bapa Yang Paling Mempengaruhi Pelanggaran Disiplin Pelajar	47
5.2	Perbezaan Pelanggaran Disiplin Pelajar Berdasarkan Jantina Terhadap Gaya Kepimpinan Ibu Bapa	48
5.3	Rumusan Hasil Kajian	50
5.4	Implikasi Kajian	51
5.5	Cadangan	54
5.6	Penutup	55

<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>56 - 60</b>
--------------------	----------------

<b>LAMPIRAN A - F</b>	<b>1 - 48</b>
-----------------------	---------------

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Jumlah Soalan Mengikut Bahagian	31
3.2	Nilai Skor Berdasarkan Darjah Persetujuan	32
3.3	Tafsiran Min	32
4.1	Analisis Min Bagi Pelanggaran Disiplin	37
4.2	Min Keseluruhan Bagi Setiap Gaya Kepimpinan Ibu Bapa	38
4.3	Analisis Korelasi Di Antara Gaya Kepimpinan <i>Permissive-Neglectful</i> Dengan Pelanggaran Disiplin	40
4.4	Analisis Korelasi Di Antara Gaya Kepimpinan <i>Permissive-Indulgent</i> Dengan Pelanggaran Disiplin	41
4.5	Analisis Korelasi Di Antara Gaya Kepimpinan Autoritarian Dengan Pelanggaran Disiplin	41
4.6	Analisis Korelasi Di Antara Gaya Kepimpinan Demokratik Dengan Pelanggaran Disiplin	42
4.7	Min Pelanggaran Disiplin Bagi Pelajar Lelaki Dan Pelajar Perempuan	43
4.8	Gaya Kepimpinan Demokratik	43
4.9	Gaya Kepimpinan Autoritarian	44
5.0	Gaya Kepimpinan <i>Permissive-Indulgent</i>	44
5.1	Gaya Kepimpinan <i>Permissive-Neglectful</i>	45

## SENARAI LAMPIRAN

NO.LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	1
B	Data Mentah	8
C	Analisis Kebolehpercayaan	32
D	Hasil Pemprosesan Data Analisis Min Dan Min Keseluruhan Sampel	35
E	Hasil Pemprosesan Data Analisis “Sample Factorial Anova” Dari Segi Jantina	45
F	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Di Sekolah	47



## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Ibu bapa adalah agen utama yang penting dalam proses mensosialisasikan anak-anak. Hubungan anak-anak dengan ibu bapa haruslah dilihat dari sejak kelahiran sehingga mencapai ke tahap remaja. Dalam usaha membentuk sikap anak-anak ibu bapa tidak boleh mengawal sepenuhnya tingkah laku anak-anak mereka kerana boleh mendatangkan kesan yang negatif kepada kedua-dua belah pihak. Gaya kepimpinan ibu bapa yang diamalkan di rumah merupakan satu bentuk kawalan yang digunakan oleh ibu bapa bagi mengawal anak-anak mereka. Beberapa orang ahli psikologi menyatakan gaya kepimpinan ibu bapa mempengaruhi pembentukan sikap negatif anak-anak mereka di sekolah. Model keibubapaan Baumrind D.(1968) menyatakan terdapat empat gaya kepimpinan ibu bapa iaitu gaya *autoritatif* (demokratik), gaya *authoritarian* (kawalan), gaya *permissive-indulgent* (lebih kawalan-ada kebebasan), dan gaya *permissive-neglectful* (kurang kawalan-lebih kebebasan).

## 1.1 Latar Belakang Masalah

Sejak kebelakangan ini kita sering digemparkan dengan pelbagai salah laku pelajar di sekolah seperti mencederakan rakan sebaya, membakar sekolah, memukul guru dan pelbagai lagi yang berkaitan dengan perlanggaran disiplin anak-anak di sekolah. Keadaan ini menunjukkan bahawa salah laku pelajar sudah menjadi gejala yang sampai ke peringkat merunsingkan masyarakat. Secara global tidak dapat dinafikan bahawa pelanggaran disiplin di kalangan pelajar bukan sahaja terdapat di negara kita, malah sudah menjadi gejala sejagat.

Pelanggaran disiplin di kalangan pelajar ini menyebabkan berbagai-bagi jenis salah laku. Bermula dari jenis yang ringan hingga kepada kesalahan-kesalahan berat seperti merokok, ponteng, merosakkan harta benda sekolah, pergaduhan, peras ugut, mencuri, merompak, pengedaran dan penggunaan dadah dan membunuh. Sikap bersopan santun dan menghormati guru serta ibu bapa kini semakin luntur seolah-olah tidak diperlukan lagi.

Pelanggaran disiplin pelajar di sekolah sering kali dikaitkan dengan cara asuhan ibu bapa di rumah. Bak kata pepatah melayu, ‘bapa borek anak rintik’, ‘ke mana tumpahnya kuah kalau bukan ke nasi’, dan ‘bagaimana acuan begitulah kuihnya’, pepatah melayu ini sudah sinonim dengan masyarakat kita kini. Pepatah ini menggambarkan betapa pentingnya peranan ibu bapa dalam membentuk peribadi anak-anak mereka. Kejayaan seorang anak untuk mencapai tahap optimum bergantung kepada sejauh mana perhubungan antara anak dengan ibu bapa.

Perhubungan yang menitikberatkan belaian dan mengasuh seperti menghormati anak, membantu anak apabila diperlukan, memberi galakan dan sokongan berterusan, sedia mendengar dan menerima anak itu sebagai individu yang unik menggambarkan gaya kepimpinan ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Gaya kepimpinan yang menunjukkan perhubungan yang tidak mesra akan memberi kesan buruk kepada anak dari segi perlakuan dan sikap.

Memang tidak dapat dinafikan banyak faktor lain yang menyebabkan pelanggaran disiplin di kalangan pelajar seperti pengaruh rakan sebaya dan pengaruh media massa. Fauziah Yaakub (1989) mengatakan pengaruh rakan sebaya sangat ketara. Kadangkala ahli-ahli dalam '*clique*' atau geng mempunyai pengaruh yang kuat dari segi nilai, sikap dan pandangan terhadap kehidupan. Akibatnya mereka cuba menghayati norma, nilai, kod dan segala harapan rakan sebaya supaya dia disanjungi kumpulannya.

Ismail Brahim (2000) menyatakan bahawa anak yang lahir umpama sehelai kain putih bersih dan terpulang kepada ibu bapa bagaimana ingin mencorakkan perkembangan personaliti, sahsiah dan peribadi anak itu. Ini menggambarkan kepada kita bahawa corak perhubungan di antara ibu bapa dengan anak mereka akan mempengaruhi tingkah laku anak.

Gaya kepimpinan ibu bapa memainkan peranan penting dalam menentukan kestabilan, ketenteraman dan kebahagian keluarga. Gaya kepimpinan ibu bapa juga menentukan cara mereka membesarkan anak dalam suasana bahagia, gembira, sihat, mempunyai emosi yang stabil dan keupayaan bergaul serta berhubungan dengan orang lain. Dalam mewujudkan hubungan yang membina di antara ibu bapa dengan anak, ibu bapa mestilah bersikap jujur dan tegas sebagaimana yang telah ditetapkan sebagai peraturan dalam keluarga. Sekiranya ibu bapa mahu anak mereka bersikap jujur dan amanah, maka ibu bapalah terlebih dahulu menunjukkan sikap jujur dan amanah terhadap anaknya. Begitu juga dengan masalah disiplin, ia penting bagi memastikan anak berkelakuan baik dan mempunyai disiplin diri yang tinggi serta mengikut segala arahan yang baik dan tidak anti sosial. Oleh itu ibu bapa harus meluangkan sedikit masa bersama dengan anak-anak untuk memastikan perkara di atas dapat dilaksanakan dengan baik.

Memandangkan salah laku ataupun pelanggaran disiplin di kalangan pelajar semakin serius, maka adalah perlu dikaji aspek-aspek psikologi seperti sejauh mana perhatian daripada ibu bapa dan bagaimana corak perhubungan antara ibu bapa dengan anak mempunyai kaitan dengan masalah tersebut. Masalah ini harus dipandang serius kerana penglibatan mereka pada peringkat umur yang terlalu muda

seolah-olah menyediakan asas kepada penglibatan jenayah yang lebih serius. Mereka ini biasanya akan mengganggu persekitaran individu lain agar mengikuti jejak mereka. Ini membayangkan betapa pentingnya golongan ini diberi perhatian yang sewajarnya.

Oleh yang demikian pengkaji telah membuat satu kajian bagi melihat perkaitan di antara hubungan gaya kepimpinan ibu bapa dengan pelanggaran disiplin pelajar-pelajar di sekolah Menengah Teknik, Slim River, Perak Darul Ridzuan. Daripada dapatan kajian tersebut, maka pengkaji boleh membuat generalisasi tentang permasalahan yang wujud dewasa ini khususnya tentang perlakuan anak-anak dan hubung kaitnya dengan gaya kepimpinan ibu bapa di rumah.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Sejak kebelakangan ini kita sering kali didehadkan dalam media massa mengenai sikap ataupun masalah disiplin yang dilakukan oleh pelajar sekolah. Kegiatan ponteng sekolah, melawan guru, merokok , bergaduh secara berkumpulan, vandalisme iaitu merosakkan harta awam, mencuri dan pelbagai lagi pelanggaran disiplin yang telah dilakukan oleh pelajar dan ianya perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Pelanggaran disiplin yang dilakukan pelajar-pelajar sekolah sering kali dikaitkan dengan corak didikan yang diperolehi dari ibu bapa. Sejauh manakah pernyataan ini dapat diterima ? Zaffran ,1983 (dalam Conger. J.J, 1973) telah menekankan keadaan dan suasana kehidupan ibu bapa dengan anak-anak adalah merupakan penyebab utama pembentukan sikap negatif dan masalah disiplin anak di samping faktor persekitaran. Sikap positif atau negatif yang dimiliki oleh anak adalah diwarisi dari cara didikan yang digunakan oleh ibu bapa.

Duke (1978) berpendapat disiplin sekolah harus bermula dari keseluruhan kehidupan di sekolah dan bukan datang dari guru semata-mata. Namun begitu

disiplin seseorang pelajar bukan ditentukan oleh sekolah sahaja tetapi ianya bermula daripada seseorang individu dididik oleh keluarganya. Hal ini merupakan faktor yang yang sangat penting bagi pembentukan keperibadian seseorang anak. Tidak dapat kita nafikan bahawa pelanggaran disiplin sekolah yang dilakukan oleh pelajar kadang-kadang merupakan suatu protes yang dilakukan oleh seseorang anak disebabkan oleh perasaan kecewa dari perhubungan dengan kedua orang tuanya. Kekecewaan ialah pengalaman atau respons yang subjektif apabila berhadapan dengan sesuatu keperluan yang terhalang. Perkara yang menimbulkan kekecewaan mungkin mudah, seperti anak remaja tidak dapat bertemu dengan ayahnya di meja makan malam kerana kesibukan tugas perniagaan akan beranggapan bahawa ayah tidak menyayangi dirinya lagi, lalu berasa kecewa.

Dalam hal ini jelas menunjukkan betapa pentingnya iklim rumah tangga. Jika iklim rumah tangga berada di dalam keadaan baik maka keluarga berada di dalam keadaan harmoni dan iklim keluarga yang tidak sihat akan kerap mengalami pergeseran di antara anak remaja dengan ibu bapa serta mewujudkan keadaan kurang gembira dan kritikal. Hal ini seterusnya menyebabkan hubungan kekeluargaan menuju kepada suasana kemerosotan (Hurlock, 1973).

Dewasa ini banyak masalah salah laku yang dilakukan oleh remaja. Kenyataan ini membayangkan kepada kita tentang masalah-masalah disiplin yang ditimbulkan oleh pelajar. Masalah dalam keluarga merupakan faktor penyumbang yang agak kuat mempengaruhi pelanggaran disiplin atau salah laku pelajar. Misalnya vandalisme iaitu merosakkan atau membinasakan harta benda awam di sekolah secara sengaja, seperti telefon, kerusi meja di sekolah, mencuri, merokok, melawan guru ,kegiatan ponteng sekolah dan kelas, bergaduh secara kumpulan serta pelbagai kesalahan kecil yang berkaitan dengan pelanggaran disiplin sekolah. (Ee Ah Meng, 1989). Terdapat juga kata-kata lucah yang ditulis ditempat-tempat awam. Keadaan ini mungkin berlaku kerana disebabkan oleh kawalan ketat dari ibu bapa sehingga anak-anak memberontak kerana tidak mahu dikongkong sebagai anak kecil. Ibu bapa terlalu cenderung menanamkan corak-corak perlakuan yang betul dan baik pada anak-anak tanpa memikirkan perkembangan anak-anak mereka. Pelanggaran

disiplin sekolah timbul apabila anak-anak cuba mendapatkan lebih kebebasan dalam kehidupan (Rohaty, Dr.1998).

Pelanggaran disiplin pelajar yang menyebabkan masalah salah laku di kalangan pelajar, mungkin berpunca daripada gaya kepimpinan yang diamalkan oleh ibu bapa di rumah (Hurlock, 1973). Ibu bapa yang terlalu mengongkong anak, akan mengecewakan anak kerana jiwa mereka tidak difahami. Perasaan kecewa akan bertambah parah, sekiranya ibu bapa tidak meluangkan masa untuk bersama dengan anak seperti yang diharapkan oleh anak. Kekecewaan yang dialami oleh anak akan menyebabkan anak cuba bertindak menurut kemahuannya semata-mata secara tidak sedar, melalui sikap dalam kehidupan sehariannya. Salah laku atau pelanggaran disiplin yang dilakukan oleh pelajar banyak mendatangkan masalah kepada keluarga, sekolah dan diri anak itu sendiri. Oleh itu, pengkaji telah membuat kajian tentang hubungan gaya kepimpinan ibu bapa dengan pelanggaran disiplin pelajar dan pengkaji memilih Sekolah Menengah Teknik Slim River, Perak sebagai tempat kajian. Pemilihan di Sekolah Menengah Teknik Slim River dilakukan kerana pengkaji ingin mengetahui sejauh mana gaya kepimpinan ibu bapa mempengaruhi pelanggaran disiplin pelajar terutama mereka yang berada jauh daripada ibu bapa setelah melanjutkan pelajaran selepas peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Adakah mereka dapat menyesuaikan diri di rantau orang dengan asuhan yang telah diberikan oleh ibu bapa mereka. Jika punca ini dikenal pasti, ibu bapa boleh bertolak ansur kepada anak, dengan mengubah gaya kepimpinan yang diamalkan.

### 1.3 Soalan Kajian


- a. Apakah gaya kepimpinan ibu bapa yang paling mempengaruhi pelanggaran disiplin pelajar-pelajar di sekolah atau anak-anak mereka di sekolah ?
- b. Adakah terdapat perbezaan di antara pelajar-pelajar lelaki dan pelajar-pelajar perempuan dengan gaya kepimpinan ibu bapa terhadap pelanggaran disiplin ?

### 1.4 Tujuan Penyelidikan

Kajian ini bertujuan untuk :-

- a. Mengetahui kaitan di antara gaya kepimpinan ibu bapa dengan pelanggaran disiplin pelajar-pelajar di sekolah.
- b. Mengetahui perbezaan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dengan gaya kepimpinan ibu bapa terhadap pelanggaran disiplin.

## 1.5 Kerangka Teori



Penerangan kepada kerangka teori :

Gaya kepimpinan ibu bapa yang diamalkan oleh ibu bapa terbahagi kepada 4 bahagian iaitu :-

*'Aautoratif'* (Demokratik).

Hubungan lisan yang tinggi di antara ibu bapa dan anak. Ibu bapa sebagai penasihat di dalam membuat keputusan. Dikatakan mempunyai tendensi untuk melahirkan anak-anak yang aktif, agresif, berani dan mempunyai perancangan diri.

*'Authoritarian'* (Kawalan).

Melahirkan anak-anak yang kasar, degil, suka melawan, pemalu, sensitif, suka mengasingkan diri dan rendah diri.

*'Permissive – Indulgent'* (Lebih kawalan – Ada kebebasan).

Menghasilkan anak yang mempunyai tingkah laku yang baik, tidak melawan, tidak agresif, mempunyai rasa ingin tahu yang tinggi dan berbagai ragam.

*'Permissive-Neglectful'* (Kurang kawalan-Lebih kebebasan).

Ibu bapa bersikap demokratik dan pada masa yang sama mengenakan sedikit kawalan. Anak-anak akan berasa lebih bebas untuk melakukan sebarang tingkah laku dan menyusahkan orang lain. Jika dibiarkan sendirian tanpa kawalan, mereka akan menjadi jahat atau tidak bersopan santun.

Ibu bapa (keluarga) memainkan peranan penting terhadap tingkah laku anak-anak. Sekiranya faktor taraf keluarga, disiplin keluarga, kestabilan keluarga, saiz keluarga, iklim rumah tangga dan suasana kehidupan positif berada dalam keadaan sempurna maka anak-anak berada dalam lingkungan harmoni.

Persekutaran di sekolah juga merupakan faktor penting yang mempengaruhi tingkah laku anak-anak, begitu juga dengan pengaruh persekitaran yang lain seperti rakan sebaya, bebanan tugas yang terlalu banyak, hubungan yang kurang harmoni di antara guru dengan murid, suasana kelas yang kurang selesa, tekanan emosi yang dialami oleh pelajar, pengaruh media massa dan lain-lain faktor adalah merupakan faktor yang menyebabkan anak-anak bertingkah laku negatif.

## 1.6 Hipotesis

Hipotesis dalam kajian ini adalah :

a. **Hipotesis Nul (H<sub>0</sub>) :**

Tidak terdapat interaksi yang signifikan di antara gaya kepimpinan ibu bapa dengan pelanggaran disiplin pelajar

b. **Hipotesis Alternatif (H<sub>a</sub>) :**

Terdapat interaksi yang signifikan di antara gaya kepimpinan ibu bapa dengan pelanggaran disiplin pelajar.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian-kajian seperti ini adalah penting terutamanya di peringkat sekolah, lagipun ianya masih kurang dilakukan di negara ini. Pada masa-masa lalu para pendidik dan ibu bapa lebih suka membuat ramalan-ramalan tentang sebab musabab sesuatu perlakuan pelanggaran disiplin yang dilakukan oleh seseorang pelajar. Antara dua pihak ini sering salah menyalahkan di antara satu sama lain apabila seseorang pelajar sering kali melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Di sinilah perlunya satu kajian yang empiris dilakukan.

Adalah diharapkan kajian-kajian seperti ini :

- a. Dapat mengelakkan salah faham di antara pihak-pihak yang terlibat serta dapat dijadikan panduan oleh para pendidik dan ibu bapa dalam menghadapi para pelajar yang suka melakukan pelanggaran disiplin di sekolah.

- b. Strategi-strategi ke arah penyelesaian masalah ini akan dapat dirancang dengan baik oleh ibu bapa apabila punca kepada masalah yang yang dihadapi oleh pelajar tadi dapat dikenal pasti atau diketahui dengan jelas.
- c. Kajian seperti ini juga sedikit sebanyak dapat dijadikan garis panduan kepada ibu bapa dalam penyusunan dan perubahan yang dilakukan untuk mendidik anak-anak pada masa akan datang.
- d. Hasil daripada kajian ini diharapkan akan dapat memberikan panduan kepada ibu bapa agar dapat menggunakan gaya kepimpinan yang sesuai dalam keluarga. Ini bukan sahaja boleh mempengaruhi salah laku anak-anak malahan kepada personaliti anak itu sendiri. Secara tidak langsung ia juga akan menggalakkan ibu bapa lebih memahami emosi anak-anak mereka.

#### 1.8 Skop Kajian

Kajian ini hanya dijalankan kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik Slim River Perak. Responden terdiri daripada pelajar lelaki dan pelajar perempuan tingkatan empat.

## 1.9 Definisi Istilah Dan Operasional

### 1.9.1 Gaya

Cara berkelakuan yang menjadi ciri seseorang, sikap atau kesukaan atau keterampilan yang menarik perhatian (Kamus Dewan, 1997:375). Dalam kajian ini gaya merujuk kepada bagaimana cara kepimpinan yang dimainkan oleh ibu bapa dalam membentuk keperibadian seseorang anak.

### 1.9.2 Kepimpinan

Keupayaan membimbing atau menuntun atau mengepalai atau keupayaan memimpin melalui teladan (Kamus Dewan, 1997:1038). Kepimpinan bagi Fidler dalam Aminuddin Mohd Yusof (1994) ialah hubungan peribadi apabila seseorang mengarah, menyelaras atau menyelia orang lain dalam pelaksanaan tugas bersama. Fleishman (1973:3) dalam buku Aminuddin Mohd Yusof (1994) mendefinisikan kepimpinan sebagai usaha ke arah pengaruh antara perseorangan yang di arah melalui proses komunikasi ke arah pencapaian matlamat.

Dalam kajian ini kepimpinan merujuk kepada bagaimana seseorang ibu bapa membimbing anak-anak mereka dalam usaha membentuk keperibadian seseorang anak.

### 1.9.3 Gaya Kepimpinan

Gaya kepimpinan ialah struktur keperluan yang mendasari individu yang memotivasi tingkah lakunya dalam aneka situasi kepimpinan (Fiedler, 1967:36) dalam Aminuddin Mohd Yusof (1994).

Gaya kepimpinan yang diamalkan oleh ibu bapa (Baumrind, 1971 dalam buku Jas Laile Suzana Jaafar, 1996) dalam mensosialisasikan anak dapat dibahagikan kepada empat bentuk beserta dengan ciri-ciri ibu bapa dan kesan ciri-ciri tersebut kepada anak, iaitu :-

#### a. Demokratik

**Ciri-ciri ibu bapa :-**

- i. Menggalakkan anak untuk berdikari dan memberi sumbangan dalam keluarga seperti membuat kerja-kerja di rumah.
- ii. Mempunyai sikap dan pandangan yang rasional.
- iii. Fleksibel.
- iv. Memberikan kebebasan secara terkawal sesuai dengan tahap perkembangan anak.
- v. Tegas tetapi memberikan kebebasan kepada anak untuk berkomunikasi secara terbuka.
- vi. Mengenakan batasan tingkah laku.
- vii. Bertolak ansur.
- viii. Menjelaskan sebab-sebab peraturan dikenakan ke atas anak.
- ix. Menjelaskan nilai-nilai dalam diri mereka dan menaruh harapan yang tinggi kepada anak untuk mematuhiinya.
- x. Menggalakkan sifat autonomi dan arah kendiri, tetapi pada masa yang sama mengajar anak bertanggungjawab terhadap tingkah laku sendiri.
- xi. Peramah dan tidak melihat dirinya sebagai ibu bapa yang tidak membuat kesilapan.

- xii. Memberi galakan dan menghormati kepentingan anak.
- xiii. Mesra tetapi tegas.

**Ciri-ciri anak :-**

- i. Suka menjelajah.
- ii. Betenaga dan bersemangat.
- iii. Mempunyai perasaan ingin tahu tinggi.
- iv. Berdikari.
- v. Boleh mengawal diri.
- vi. Menghargai diri sendiri.
- vii. Bersikap positif terhadap rakan sebaya.

**b. Autoritarian**

**Ciri-ciri ibu bapa :-**

- i. Mengawal tingkah laku anak dengan mengenakan peraturan-peraturan yang ketat.
- ii. Tidak membenarkan anak menyayangkan tentang peraturan-peraturan yang dikenakan.
- iii. Tidak bertolak ansur dan mempercayai bahawa anak harus patuh kepada peraturan tanpa menyayangkan.
- iv. Ingin membentuk, menilai dan mengawal tingkah laku anak mengikut piawaian yang mutlak.
- v. Kepatuhan anak dinilai tinggi.
- vi. Menggunakan kuasa fizikal untuk membentuk tingkah laku anak.
- vii. Mengenakan hukuman untuk mendisiplinkan anak.
- viii. Tidak fleksibel dan mengenakan peraturan yang ketat.
- ix. Tidak menggalakkan anak berdikari.

**Ciri-ciri anak :-**

- i. Mempunyai penghargaan kendiri yang rendah.
- ii. Tidak boleh dipercayai.

## BIBLIOGRAFI

Ab.alim Abdul Rahim (1994). *Pengantar Psikologi Bilazim*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Esa (1997). *Ciri-Ciri Guru Sebagai Pemimpin Daripada Sudut Pandangan Pelajar : Satu Kajian Kes Di Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang (1)*, Johor Bharu, Johor. Universiti Teknologi Malaysia : Kajian Pendidikan Sarjana.

Atan Long (1976). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aminuddin Mohd Yusof (1994). “*Mencipta Keluarga Bahagia*” . Majalah Keluarga : Keluaran Mei 1997.

Ausubel, D.P. (1977). (Second Edition). *Theory And Problems Of Adolescent Development*. New York : Grune and Stratton.

Awang Had Salleh (1991). *Disiplin : Sebuah Tinjauan Konsep Dari Segi Pendidikan*. Kuala Lumpur :Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Azah Aziz (1991). “*Remaja Ketagih*” . Harian Metro 13hb. Julai : Halaman 22.

Baumrind, D. (1968). *Authoritarian vs Authoritative Parental Control Adolescence*. Halaman 131 – 141.

Buss, A.H (1961). *The Psychology Of Aggression*. New York : John willey and Sons.

Cattel (1997). “*Reading's in adolescent Attitudes to Authority*” . Jurnal of Adolescent : Halaman 110 – 123.

Clifford H. Edwards (1993). *Classroom Discipline And Management*. New York : Macmillan Publishing Company.

Conger, J.J (1973). *Adolescence And Youth Psychological Development In A Changing World*. New York : Harper And Row, Pub.

David Fontana (1979). *Psychological Development Research Interests Education For Personal*. Surrey : Curzon Press.

Duke, D.L and Duke, P.M (1978). "The Prediction Of Delinquency In Girls". Boston : Journal Of Research And Development In Education.

Ee Ah Meng (1989). *Pemantapan Proses Pendidikan Psikologi Pendidikan I*. Shah Alam : Fajar Bakti.

Eicuelberge R. Tony (1989). *Discipline Inquiry Understand & Doing Educational Research*. New York : Longman.

Fauziah Yakub (1989). *Masalah Disiplin Di Sekolah*. Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Fauziah Husin (1992). *Hubungan Antara Bentuk Kawalan Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Anak-Anak*. UKM : Jabatan Psikologi.

Goldestein J.H (1980). *Social Psychology*. New York : Academic Press.

Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakub (1997 : 60 – 63). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamizan Hussin (1988). *Wanita Islam : Beberapa Nasihat Dan Peringatan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Hassan Langgulung (1977). "Masalah Pelajar-pelajar Di Sekolah Menengah". Universiti Kebangsaan Malaysia : Jurnal Pendidikan. Bil.4.

Hurlock E.B. (1973). (Fourth Edition). *Adolescent Development*. New Jersey : Mc Graw Hill Book Company.

Ismail Brahim, Dr. (2000). "Ibu bapa Sebagai Kaunseelor". Majalah Tema, Keluaran 28 Julai 2000.

Jas laile Suzana Jaafar (1996). *Psikologi Kanak-kanak & Remaja*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Jawatan Kuasa Kabinet (1979). Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jerry M.Burger (2000). (5<sup>th</sup>.ed.). *Personality* (5<sup>th</sup>.ed.). Wodsworth Thomson Learning. com.

John Dollard (1969). *Child Psychology Development*. Press : John Wiley And Sons.

Kamus Dewan Edisi Ketiga (1997). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kaplan (1975). *Encouraging Self-Esteem And Self-Discipline In Infants*. New York : Mc Graw Hill Book Co.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1987). *Laporan Mengenai Kedudukan Disiplin Murid*. Kuala Lumpur : Jawatan Kuasa Penasihat Disiplin Sekolah.

Krech D.Critchfield R.C & Balachey E.C. (1962). *Individual In Society*. New York : Mc Graw Hill Company.

Krisner Iyer (1975). *Sekolah Dan Kejenayahkan Kanak-kanak*. Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia : Jilid xv, Keluaran 53.

Levin & Wardell (1962). *Patterns Of Aggressive Behavior In Experimentally Created Social Climates*. The Psychology Of Personality. (6<sup>th</sup>.ed.) Brooks Cole Publishing Company.

Muhsin Mansur Abdullah (1991). *Kaunseling Ibu Bapa Dalam Pembinaan Generasi Berdisiplin*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.

Narhan Brody & Howard Ehrlichman (1998). *Personality Psychology The Since Of Individuality*. Prentice-Hall.Inc.

Nuraliza Ariffin (1985). *Kajian Tentang Pelanggaran Disiplin Dan Peraturan Sekolah Di Kalangan Remaja Di Sek.Men.Keb. Tengku Abdullah Pekan Pahang*.

Robiah Sidin & Nadri Mat Daud (1991). *Disiplin Dan Pengajaran : Satu Kajian Awal*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.

Rohana Zubir (1974). *Perception of Offenders and Non-offenders Toward School*. Educational Research 1972 : 142 – 146.

Rohaty, Dr. (1998). "Ibu Bapa Pembentuk Personaliti Anak". Majalah Timang. Mac/April 1998.

Rutherford (1990). (4<sup>th</sup>.ed.). *Severe Behavior Problems : A Functional Communication Training Approach*. Englewood Cliffs, NJ:Merill/Prentice-Hall.

Sears O.D. & Peplau L.N. (1988) (Sixth Edition). *Social Psychology*. New Jersey : Prentic Hall, Englewood Cliffs.

Sue Morris (1993). *Discipline, Grievance And Dismissal*. Petaling Jaya : Pelanduk Publications.

Testo Sarijah (1974). "Kasih Sayang dan Kenakalan". Dewan Masvarakat. Mei 2000. Hlm. 40-45.

Tony Charlton And Kenneth David (1994). *Managing Misbehaviour In Schools*. New York : Routledge.

Wrightman L.S (1972). *Social Psychology*. California : Brooks Cole Publishing Company.

Zaharatul Akmar Ahmad Zainuddin (2000). *Pandangan Pensyarah Dan Siswa-Siawi Terhadap Penggunaan Peta Minda Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Institut Teknologi Tun Hussien Onn (ITTHO) : Projek Sarjana Pendidikan*. ITTHO.

